

# Pro-Aspirasi kuasai dua pertiga MPP UTHM

**BATUPAHAT** - Kumpulan Pro-Aspirasi mencatat kemenangan dua pertiga dalam Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.

Dalam PRK berkenaan, kumpulan itu memperoleh kemenangan 22 kerusi berbanding 33 yang dipertandingkan, seterusnya mengekalkan kemenangan pada PRK tahun lalu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTHM, Profesor Dr Amir Hashim Mohd Kassim berkata, dalam PRK terbabit, Pro-Aspirasi juga memenangi empat kerusi tanpa bertanding.

Katanya, dengan keputusan itu, ia menjadikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM dikuasai dua pertiga oleh Pro-Aspirasi yang gagal mencatat keputusan berkenaan tahun lalu.

“Suasana PRK tahun ini aman,

termasuk semasa proses pengundian yang dijalankan dan tidak mempunyai provokasi serta konspirasi sehingga keputusan diumumkan.

“Bagaimanapun pihak universiti sedikit kecewa apabila jumlah penuntut yang turun mengundi 55.38 peratus,” katanya.

Pihak universiti berharap keadaan aman dikekalkan dalam PRK UTHM akan datang.